

**Tentera Asia Pasifik Bertemu Bagi Membincangkan Kerjasama Keselamatan Bernama
Jun 28, 2011
Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah**

SINGAPURA, 28 Julai (Bernama) -- Lebih 180 Panglima Angkatan Tentera dan pegawai memerintah kanan dari 27 negara di Asia Pasifik menghadiri Persidangan Panglima Angkatan Tentera Pasifik ketujuh (PACC VII) dan Seminar Pengurusan Tentera Pasifik ke-35 (PAMS XXXV) di sini, masing-masing mulai hari ini hingga 31 Julai dan 1 Ogos.

Acara itu yang dianjurkan bersama oleh Angkatan Tentera Singapura dan Amerika Syarikat dirasmikan Menteri Pertahanan Singapura Dr Ng Eng Hen pada majlis pembukaan bersama di sini, Khamis.

Turut hadir Panglima Angkatan Tentera Singapura Lt Jeneral Neo Kian Hong.

PACC VII itu dianjurkan bersama Panglima Tentera Darat Singapura Mejar Jeneral Ravinder Singh dan Panglima Staf Tentera Amerika Jeneral Martin E. Dempsey manakala PAMS XXXV dianjurkan bersama Komander 6 Divisyen Brig Jeneral Yeo See Peng, dan Ketua Pemerintah Tentera Amerika di Pasifik Lt Jeneral Francis J. Wiercinski.

Para peserta termasuk Panglima Angkatan Tentera dan pegawai memerintah kanan dari Australia, China, India, Indonesia, Laos, Malaysia dan Rusia.

China, yang diwakili Timbalan Panglima Staf Tentera Pembebasan Rakyat Jeneral Zhang Qinsheng, dan Laos, diwakili Timbalan Panglima Staf Tentera Rakyat Laos Brig Jeneral Souvone Leuangbounmy, akan menyertai PACC buat pertama kali tahun ini.

Dengan tema "Membina kapasiti Pasukan Darat" melalui kerjasama keselamatan multilateral", PACC VII dan PAMS XXXV bermatlamat memberi perhatian kepada kerjasama multilateral yang diperlukan bagi menangani cabaran keselamatan bukan tradisional yang dihadapi pasukan darat di Asia Pasifik.

Kedua-dua majlis itu akan memaparkan mesyuarat dua hala dan multilateral, sidang pleno dan eksekutif yang menyediakan suasana santai dalam menyelesaikan masalah secara berpasukan.

Berucap pada majlis perasmian itu, Dr Ng berkata landskap keselamatan hari ini penuh dengan ancaman yang semakin bersifat merentas sempadan dan rumit, begitu luas bagi mana-mana negara, tanpa mengira besar atau begitu lengkap, untuk menanggung bebanan itu.

Bagi mengemudikan perubahan ini secara aman memerlukan komitmen dan usaha bersepadu terutama dalam berkongsi maklumat dan idea baru untuk penyelesaian dan begitu juga dalam bertukar-tukar amalan yang terbaik, katanya.

Mengenai kejayaan forum sedemikian bagi meningkatkan kerjasama serantau, beliau berkata: "Ia sesuatu yang menggembirakan untuk disebut bahawa skop para peserta dalam forum seperti ini telah berkembang sejak beberapa tahun kebelakangan ini kerana lebih banyak negara mengiktiraf nilai hubungan antarabangsa.

Ini merupakan perkembangan positif yang boleh membina keyakinan dan kapasiti untuk memberi respons kepada cabaran keselamatan yang muncul apabila diperlukan, katanya.

PACC merupakan acara multilateral dwitahunan yang bermula pada 1999 dengan

matlamat untuk memupuk kerjasama dan dialog di kalangan Panglima Angkatan Tentera serantau manakala PAMS merupakan acara multilateral tahunan yang bermula pada 1978 untuk para pegawai kanan dari angkatan tentera serantau bagi bertukar-tukar pandangan dan pengalaman berhubung perkara profesional.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=604722>